

06 JUN 2001

Mahathir-Berlepas

DR MAHATHIR BERLEPAS KE TOKYO BAGI LAWATAN RASMI EMPAT HARI

SUBANG, 6 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke Tokyo malam ini bagi lawatan rasmi empat hari.

Semasa lawatan itu Dr Mahathir juga dijangka mengadakan perbincangan bersama rakan sejawatannya di Jepun, Junichiro Koizumi dan menyampaikan ucapan di Persidangan Antarabangsa Nikkei Ketujuh yang bertema "Masa Depan Asia -- Melampaui Globalisasi" di Tokyo pada Jumaat.

Pesawat eksekutif yang membawa Perdana Menteri dan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali berlepas daripada Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Subang dekat sini pada 11 malam.

Antara yang turut berada untuk mengucapkan selamat jalan ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sementara berada di Tokyo, Dr Mahathir juga dijadual berucap mengenai globalisasi di Siri Syarahan Tokoh U Thant di Universiti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) esok, menurut aturcara lawatan yang dikeluarkan oleh Wisma Putra di sini, hari ini.

Ucapan itu akan disiarkan secara langsung melalui Internet di www.unu.edu.

Beliau juga akan melawat Universiti Meiji di ibu negara Jepun di mana beliau akan menerima ijazah doktor kehormat daripada universiti itu.

Perdana Menteri juga akan melawat Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Telekomunikasi NTT dan akan bertemu dengan kira-kira 2,000 penuntut Malaysia di Jepun bagi satu sesi dialog, di kedutaan Malaysia di Jepun.

Dr Mahathir kali terakhir melawat Jepun pada Jun lepas dengan beliau menghadiri Persidangan Nikkei Antarabangsa Kenam yang dianjurkan oleh Nihon Keizei Shimbun, satu kumpulan media.

Dr Mahathir akan pulang ke Kuala Lumpur pada pagi Ahad.

Jepun kini merupakan pelabur terbesar dalam sektor perkilangan di Malaysia dan rakan perdagangan kedua terbesar meliputi 16.7 peratus daripada perdagangan global Malaysia bernilai AS\$180.4 bilion (RM685.52 bilion).

Jumlah perdagangan antara Malaysia dan Jepun pada tahun 2000 menyaksikan peningkatan 28.1 peratus berbanding 1999.

Eksport ke Jepun mewakili 13.1 peratus daripada jumlah eksport Malaysia sementara Jepun merupakan sumber utama import Malaysia mewakili 21.1 peratus daripada jumlah import tahun 2000.

Antara negara Asean, Malaysia merupakan pengeksport kedua terbesar ke Jepun selepas Indonesia, menurut Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

-- BERNAMA

ZAI ES PR